



Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

Bahagian A
[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Sultan Perak _____ untuk merasmikan jambatan baharu yang menghubungkan Sayong dengan Kuala Kangsar.
A berniat
B berhajat
C berminat
D berkenan
2. Sekumpulan murid itu datang _____ sekolah menengah swasta yang terkenal di Kuala Lumpur.
A di
B dari
C kepada
D daripada

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

3. I Pemuda itu melepaskan *geram* dengan menjerit-jerit di tempat awam.
II Syukur *geram* akan sikap rakan baiknya yang suka meminjam barang orang lain.
III Amira berasa *geram* akan kecomelan bayi yang didukung oleh kakaknya.
IV Kerajaan akan mengeluarkan *geram* kepada para belia yang berminat untuk menjadi usahawan.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
4. I Perjalanan kami *terkandas* kerana kenderaan yang kami naiki rosak.
II Lim Wen Tuck tidak dapat menyambung pelajarannya ke universiti kerana *terkandas* dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.
III Kebahagiaan rumah tangga mereka *terkandas* disebabkan perasaan cemburu.
IV Selera makan saya *terkandas* kerana sakit perut.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II, dan III sahaja
- D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

5. Semua kerja-kerja memperdalamkan anak sungai itu terpaksa ditangguhkan kerana hujan lebat.
A Kerja-kerja mendalami anak sungai
B Semua kerja memperdalam anak sungai
C Semua kerja-kerja mendalami anak sungai
D Semua kerja-kerja memperdalamkan anak sungai
6. Puan Azlishah membeli suaminya seutas jam tangan buatan luar negara.
A membeli untuk suaminya
B membelikan untuk suaminya
C membelikan suaminya
D membeli suaminya

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

7. I Orang ramai perlu waspada penipuan Internet yang semakin berleluasa sekarang.
II Mereka akan berjumpa wakil rakyat dengan segera untuk menyelesaikan masalah itu.
III Majlis Perbandaran Teluk Intan akan menggiatkan usaha untuk memperindah bandar itu.
IV Rumah di kawasan elit itu cantik-cantik belaka dengan reka bentuk ala-ala Eropah.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

8. I Murid yang paling pandai sekali di sekolah itu dipilih sebagai ketua murid oleh pihak sekolah.
II Pihak berkuasa tempatan akan menyemak semula kelulusan projek pembinaan jambatan di kawasan itu.
III Nasi kerabu di restoran ini popular sekali di Kota Bharu.
IV Murid itu memperoleh keputusan ujian yang cemerlang berkat hasil usahanya yang tekun.
- A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

9. Kerajaan mengumumkan kerja-kerja memperlebar jalan raya di kawasan itu akan disegerakan kerana kesesakan yang teruk terutama pada waktu puncak.
- A Jalan raya yang mengalami kesesakan yang serius pada waktu puncak itu akan disegerakan kerja-kerja memperlebar jalan raya oleh kerajaan.

- B Kerajaan mengumumkan akan menyegerakan kerja-kerja memperlebar jalan raya di kawasan itu pada waktu puncak.
C Kawasan yang mengalami kesesakan jalan raya yang teruk pada waktu puncak itu diumumkan oleh kerajaan akan disegerakan pelebarannya.
D Akan disegerakan pengumuman oleh kerajaan tentang kerja-kerja memperlebar jalan raya di kawasan yang mengalami kesesakan pada waktu puncak.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

10. Perbuatan Alif yang suka membuat tuduhan kepada orang lain, dan kemudiannya menafikannya tidak disenangi oleh rakan-rakannya.

Keadaan ini sesuai dengan peribahasa seperti di bawah ini.

- A Api dalam sekam
B Gunting dalam lipatan
C Baling batu sembunyi tangan
D Biduk berlalu kiambang bertaut